

# Kepakaran UMT mampu tingkatkan sosioekonomi Sedili

BH/10.05.23 / M/s 23

Perkongsian kemahiran dalam bidang kelautan beri impak kepada pembangunan ekonomi

Oleh Omar Ahmad

bhpendidikan@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Kesudian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkongsi kepakarannya menerusi program Semarak Masyarakat Kota Tinggi di Sedili dijangka mampu membangunkan ekonomi kawasan itu.

Apatah lagi UMT dikenali dengan kewibawaannya dalam bidang tujuhan ilmu kelautan dan sumber akuatik.

Menteri Pendidikan Tinggi dan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata inisiatif UMT itu adalah peluang untuk masyarakat setempat meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan pembangunan mereka.

“Peranan universiti bukan hanya memberikan pendidikan semata-mata tetapi juga membuka ruang dan peluang untuk mengubah nasib juga sosioekonomi masyarakat.

“Segala ilmu yang ada pada universiti mesti digunakan untuk



Mohammed Khaled (tengah, baris atas) bersama mahasiswa UMT dalam Program Semarak Masyarakat Kota Tinggi. (Foto Omar Ahmad/BH)

memberi manfaat kepada masyarakat.

“Hanya dengan cara itu, peranan universiti akan menjadi lebih menyerlah dan universiti akan lebih dihormati serta dipandang tinggi,” katanya ketika merasmikan program berkenaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sedili Besar di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar berkata, pihaknya sentiasa memanfaatkan kepakaran yang ada di universiti untuk diterjemahkan demi kebaikan serta memberikan impak kepada komuniti, industri dan negara.

## Inisiatif UMT

Katanya antara inisiatif UMT untuk membantu pembangunan

komuniti adalah melalui pemindahan dan asimilasi ilmu serta teknologi yang dihasilkan oleh penyelidik melalui dana dalaman - Skim Geran Penyelidikan Translational UMT

“Program Semarak Masyarakat Kota Tinggi diisi dengan sesi perkongsian ilmu daripada penyelidikan UMT.

“Untuk rekod, kejayaan projek kelulut UMT di Batu Pahat, Johor dan di Besut Terengganu, membabitkan ibu tunggal di sekitar kawasan berkenaan berjaya membantu mereka menjana pendapatan sekitar RM1,000 sebulan,” katanya.

Mazlan berkata, program itu turut disertai 40 orang mahasiswa UMT yang menjalankan pelbagai program komuniti